

Terma dan syarat Pembiayaan Peribadi-i Hong Leong [\(English Version\)](#)

Kemas kini terakhir pada 23 April 2026

Terma dan syarat Pembiayaan Peribadi-i Hong Leong ("**T&S**") seperti berikut menyatakan terma dan syarat kemudahan Pembiayaan Peribadi-i/Pembiayaan Peribadi-i Tambahan/ Pembiayaan Peribadi-i Penggabungan Baki/ Pembiayaan Peribadi-i Penggabungan Baki Tambahan ("**Kemudahan**") yang telah disediakan kepada Pelanggan semasa memohon Kemudahan. Pelanggan adalah tertakluk pada T&S ini setelah Kemudahan diluluskan oleh pihak Bank dan Pelanggan menerima Notis Pengeluaran dan Jadual Pembayaran (seperti ditakrif di sini). Pelanggan telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan T&S ini dan sebarang penambahan atau pindaan yang mungkin dibuat kepadanya oleh pihak Bank apabila diperlukan yang mengawal selia Kemudahan dengan memberi notis kepada Pelanggan terlebih dahulu.

BAHAGIAN A – AM

Konsep Kemudahan dan Kaedah Pembiayaan.

Kemudahan ini adalah berdasarkan kontrak Tawarruq dan selaras dengan prosedur pembiayaan pihak Bank. Setelah mendapat kelulusan bagi Kemudahan tersebut, Pelanggan akan meminta pihak Bank untuk membeli komoditi patuh Syariah yang diterima oleh pihak Bank ("**Komoditi**") daripada peniaga Komoditi yang diterima oleh pihak Bank dan beraku janji untuk membeli Komoditi tersebut daripada pihak Bank. Berdasarkan permintaan tersebut, pihak Bank akan membeli Komoditi daripada mana-mana peniaga komoditi pada harga yang bersamaan dengan amaun kemudahan yang diluluskan ("**Amaun Kemudahan**"). Kemudian, pihak Bank akan menjual Komoditi kepada Pelanggan Harga Jualan dan Pelanggan akan membeli Komoditi tersebut pada Harga Jualan Bank yang terdiri daripada Amaun Kemudahan yang diluluskan dan keuntungan pihak Bank berdasarkan pembayaran tertanggung. Dagangan ini hendaklah dibuktikan melalui sijil elektronik (atau sebarang bukti lain mengenai pemilikan) dan akan dikenali sebagai "**Dagangan Komoditi**". Walau apa pun yang dinyatakan di atas, pihak Bank boleh, dalam keadaan luar biasa termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang cabaran operasi dan/atau sistem yang dihadapi oleh Bank, menjalankan Dagangan Komoditi selepas pembayaran Amaun Kemudahan kepada Pelanggan dengan syarat Dagangan Komoditi tersebut selaras dengan prinsip Syariah.

Berdasarkan Surat Agensi yang akan dilaksanakan oleh Pelanggan sebagaimana yang terkandung di Bahagian II dalam Borang Permohonan ("**Surat Agensi**"), pihak Bank berhak, sebagai ejen untuk dan bagi pihak Pelanggan, menjual Aset tersebut kepada mana-mana pihak ketiga pada harga yang dipersetujui yang bersamaan dengan Amaun Kemudahan secara bayaran tunai, dan hasil bayaran tersebut akan dibayar kepada Pelanggan berdasarkan kepada T&S yang terkandung di sini.

1. **Amaun Kemudahan.** Amaun Kemudahan adalah jumlah pembiayaan Kemudahan yang diluluskan oleh pihak Bank dan dimaklumkan kepada Pelanggan secara bertulis dan/atau dalam apa jua cara atas budi bicara pihak Bank, di mana jumlah tersebut tidak boleh melebihi jumlah yang dimohon oleh Pelanggan.
2. **Aset.**
 - (a) Aset adalah dalam bentuk Minyak Kelapa Sawit atau sebarang komoditi lain yang patuh Syariah yang akan diniagakan di bawah Kemudahan ini hendaklah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak dan diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Bank;
 - (b) Dagangan ini dibuat melalui platform perdagangan komoditi yang membolehkan transaksi Tawarruq dijalankan dan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Bank;
 - (c) Pihak Bank adalah pemilik sah dan/atau pemilik benefisial Aset yang tidak bercagar sebelum penjualan Aset kepada Pelanggan;
 - (d) Sekiranya pihak Bank perlu melaksanakan semula Jualan Aset ("**Jualan**"), hasil dari Jualan yang terdahulu akan digunakan untuk membayar semua amaun tertunggak dan kena bayar pada Bank. Pihak Bank akan memberi rebat kepada penyelesaian Jualan sebelumnya dan obligasi di bawah Jualan sebelumnya dianggap selesai.

3. **Tujuan Kemudahan.** Pelanggan bersetuju untuk menggunakan Kemudahan tersebut semata-mata untuk tujuan seperti yang dinyatakan oleh Pelanggan dalam Borang Permohonan dan tidak akan digunakan untuk sebarang aktiviti yang bertentangan dengan prinsip Syariah.
4. **Pindahan Pemilikan.** Setelah Kemudahan ini ditandatangani oleh pihak Bank, hak milik sah dan/atau hak milik benefisial, pemilikan, hak, risiko dan kepentingan Aset tersebut akan dipindahkan dengan serta-merta kepada Pelanggan dan pihak Bank akan membolehkan Pelanggan mengambil pemilikan ke atas Aset tersebut dengan serta-merta. Kedua-dua pihak bersetuju bahawa Aset tersebut dijual atas dasar "keadaan yang seadanya" serta bebas dari sebarang bebanan, cagaran, lien dan/atau apa jua sekatan dan tanpa sebarang representasi atau waranti yang berkenaan dengannya.
5. **Kadar Keuntungan.** Kadar keuntungan terpakai untuk Kemudahan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Pembayaran, di mana ungkapan itu akan, jika sesuai dengan konteks, termasuk sebarang dan kadar lain yang pihak Bank boleh memberitahu Pelanggan melalui notis awal secara bertulis apabila diperlukan. Kadar keuntungan efektif adalah dalam lingkungan 16.90% setahun hingga 24.87% setahun bergantung kepada tempoh Kemudahan.

6. Persetujuan Pembayaran

- (a) Sebagai pertimbangan kelulusan permohonan Pelanggan oleh Bank, Pelanggan bersetuju dan beraku janji untuk membayar pihak Bank tepat pada masanya Harga Jualan mengikut terma pembayaran tertunda melalui Ansuran Bulanan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pembayaran Bank ("**Ansuran Bulanan**") dan semua wang lain yang terhutang atau kena bayar pada masa yang ditetapkan dan pada Kadar Keuntungan yang dinyatakan dalam Jadual Pembayaran.

Ansuran Bulanan dikira berdasarkan formula berikut:

$$M = \frac{P + (PxTyxR)}{Tm} \text{ dimana,}$$

M	Mewakili Ansuran Bulanan
P	Mewakili Amaun Kemudahan yang diluluskan
Ty	Mewakili tempoh Kemudahan yang diluluskan dalam tahun.
R	Mewakili Kadar Keuntungan atau sebarang kadar lain yang ditetapkan oleh pihak Bank apabila diperlukan
Tm	Mewakili tempoh kemudahan yang diluluskan dalam bulan

- (b) Ansuran Bulanan pertama akan bermula pada tarikh seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Pembayaran yang dikeluarkan oleh pihak Bank di mana ia akan jatuh pada hari yang berikut selepas tamat tempoh satu (1) bulan dari tarikh pengeluaran Kemudahan tersebut. Ansuran Bulanan yang seterusnya hendaklah dibayar secara berturut-turut mengikut jarak masa tetap pada setiap satu (1) bulan sehingga amaun penuh Harga Jualan dan segala jumlah terhutang yang lain dibayar sepenuhnya.
- (c) Pihak Bank berhak untuk membatalkan Kemudahan tersebut dan menuntut pembayaran penuh baki Ansuran bulanan yang belum dibayar, caj pampasan, kos, fi dan segala jumlah lain yang belum dibayar dan perlu dibayar di bawah Kemudahan tersebut berdasarkan budi bicara pihak Bank apabila berlakunya Kegagalan Pembayaran.

7. Caj Pampasan (Ta'widh)

Ia dipersetujui oleh kedua-dua pihak bahawa pihak Bank berhak untuk mengenakan caj pampasan (ta'widh) terhadap Pelanggan pada amaun kerugian sebenar yang ditanggung oleh pihak Bank akibat

langsung daripada kelewatan dalam pembayaran atau kegagalan Pelanggan berdasarkan mekanisme berikut:

- (a) Semasa Tempoh Kemudahan
 - (i) bagi keingkaran mana-mana pembayaran semasa tempoh Kemudahan, pada kadar pampasan sebanyak satu peratus (1%) setahun atau sebarang kadar lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia (“BNM”) ke atas pembayaran tertunggak yang dijadualkan, dikira dari tarikh sejurus selepas tarikh kegagalan tersebut sehingga tarikh penerimaan pembayaran penuh;
 - (ii) Bagi keingkaran menyebabkan Kemudahan ditamatkan atau dibawa ke mahkamah untuk penghakiman sebelum tarikh luput tempoh Kemudahan, pada kadar pampasan sebanyak satu peratus (1%) setahun atau sebarang kadar lain yang diluluskan oleh BNM atas baki tertunggak (amaun prinsipal tertunggak dan keuntungan terakru);
- (b) Selepas tarikh luput atau tempoh matang Kemudahan bagi kegagalan mana-mana pembayaran melebihi tempoh Kemudahan, pada kadar yang tidak melebihi kadar semalaman harian Pasaran Wang antara Bank-Bank Perbankan Islam (“IIMM”) BNM atau sebarang kadar lain yang diluluskan oleh BNM ke atas baki tertunggak (amaun principal tertunggak dan keuntungan terakru) Kemudahan tertakluk pada mana-mana rebat (Ibra’) yang berkenaan, dikira dari tarikh sejurus selepas tamat tempoh Kemudahan sehingga tarikh penerimaan pembayaran penuh.
- (c) Setelah Penghakiman bagi kegagalan pembayaran Kemudahan di mana amaun penghakiman telah diputuskan oleh mahkamah, pada kadar yang tidak melebihi kadar semalaman harian IIMM BNM atau sebarang kadar lain yang diluluskan oleh BNM atas jumlah penghakiman asas Kemudahan tertakluk pada mana-mana rebat (Ibra’) yang berkenaan dikira dari tarikh penghakiman sehingga jumlah penghakiman dijelaskan sepenuhnya.

Amaun pampasan tidak boleh dikompaun dan kadar rujukan bagi kerugian sebenar hendaklah ditentukan ketika kegagalan berlaku, dikira atas dasar harian dari tarikh akhir bayaran.

Ilustrasi: Tertunggak selama 30 hari

Amaun Ansuran Bulanan	RM2,500
Tarikh Ansuran Perlu Dibayar	1/12/2025
Tarikh Ansuran Dibayar	31/12/2025
Kadar Ta’widh	1%

Amaun Ta’widh = $\frac{\text{Ansuran Tertunggak} \times \text{Kadar Ta’widh} \times \text{Bilangan Hari Tertunggak}}{365 \text{ hari}}$

$$= \frac{2,500 \times 1\% \times 30}{365} = \text{RM}2.05$$

8. **Perubahan Kadar Keuntungan.** Pihak Bank berhak mengubah Kadar Keuntungan dan caj pampasan apabila diperlukan dengan memberi notis awal kepada Pelanggan. Notis Perubahan Bank boleh dikeluarkan dalam pelbagai cara dan diberikan melalui:
 - (a) penyata berkala yang dikeluarkan oleh pihak Bank;
 - (b) pengiklanan dalam akhbar harian nasional yang ditujukan kepada semua orang secara umum;
 - (c) notis yang dipaparkan di cawangan Bank;
 - (d) notis yang dipaparkan dalam laman sesawang Bank, menerusi saluran perbankan dalam talian/mudah alih Bank (“**HLB Connect**”) atau sebarang saluran elektronik yang lain.

Perubahan itu hendaklah berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis Bank dan kecuali terdapat kesilapan nyata, keputusan Bank atas perubahan kadar yang tertera di atas dan tarikh penguatkuasaan perubahan tersebut adalah muktamad dan konklusif.

9. **Jadual Pembayaran.** Ia bermaksud jadual pembayaran yang menyatakan butiran mengenai Kemudahan yang diluluskan, termasuk Amaun Kemudahan yang diluluskan, Ansuran Bulanan, Kadar Keuntungan, tarikh akhir pembayaran dan tempoh Kemudahan.
10. **Cukai Kerajaan dan/atau Caj yang Dikenakan Pihak Berkuasa/Kawal Selia, Fi dan lain-lain.**
- (a) Bagi tujuan Klausula ini:
"Cukai" bermaksud sebarang cukai yang dikenakan pada masa kini atau masa akan datang, secara langsung atau tidak, di Malaysia atau di luar negara, levi, impos, duti, caj, fi, potongan atau sekatan yang dikenakan oleh mana-mana Pihak Berkuasa Yang Berkenaan, termasuk tanpa batasan, sebarang cukai penggunaan dan cukai lain biar apa pun nama yang diberi, dan sebarang keuntungan atau denda berkenaan dengannya. "**Pihak Berkuasa Yang Berkenaan**" bermaksud mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau percukaian.
- (b) Semua fi, caj dan/atau segala wang lain yang perlu dibayar oleh Pelanggan kepada pihak Bank menurut T&S ini termasuk sebarang amaun yang mewakili bayaran balik yang perlu dibayar oleh Pelanggan kepada pihak Bank, adalah tidak termasuk sebarang Cukai, dan hendaklah dibayar tanpa sebarang tolak selesai, sekatan atau syarat dan tanpa sebarang potongan atau sebarang tuntutan balas atau sebarang potongan atau penahanan.
- (c) Sekiranya Pelanggan diminta untuk menolak sebarang cukai dari pembayaran kepada pihak Bank di bawah T&S ini, Pelanggan mestilah menambah amaun yang perlu dibayar sehingga pihak Bank menerima amaun yang sepatutnya diterima oleh pihak Bank sekiranya penolakan Cukai tersebut tidak diperlukan. Sekiranya pihak Bank diminta untuk menolak sebarang cukai dari pembayaran kepada Pelanggan, pihak Bank tidak perlu menambah amaun yang perlu dibayar.
- (d) Sebagai penambahan atas fi, caj dan/atau sebarang bayaran yang perlu dibayar, Pelanggan hendaklah membayar kepada pihak Bank segala Cukai berkenaan pada kadar semasa berkenaan dan/atau sebarang amaun yang ditentukan oleh pihak Bank untuk merangkumi sebarang pembayaran/liabiliti/obligasi Cukai yang berkaitan dengannya, tanpa sebarang tolak selesai, sekatan atau syarat dan tanpa sebarang potongan atau sebarang tuntutan balas atau sebarang potongan atau penahanan, selain Cukai yang dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang yang perlu dibayar oleh Pelanggan kepada Pihak Berkuasa Yang Berkenaan, di mana hendaklah dibayar terus kepada Pihak Berkuasa Yang Berkenaan.
- (e) Pelarasan mungkin akan dibuat atau perlu dibuat di antara pihak Bank dengan pihak berkuasa percukaian berkenaan bagi sesuatu amaun yang dibayar sebagai Cukai kerana sesuatu bekalan dibuat atau dianggap telah dibuat atau sebarang hal lain bersabit dengan T&S ini oleh pihak Bank. Dalam keadaan sedemikian, suatu pelarasan yang sepadan boleh dibuat atas budi bicara pihak Bank antara pihak Bank dengan Pelanggan dan dalam hal sedemikian, sebarang pembayaran yang perlu dilakukan untuk melaksanakan pelarasan itu hendaklah dibuat.
- (f) Segala Cukai yang perlu dibayar oleh Pelanggan kepada pihak Bank seperti mana diperuntukan di sini hendaklah dibayar mengikut masa dan cara yang diminta oleh pihak Bank.
- (g) Pelanggan dengan ini bersetuju melakukan segala hal yang diminta oleh pihak Bank dengan munasabah untuk membantu pihak Bank menunaikan obligasinya menurut mana-mana undang-undang berkenaan termasuk sebarang Cukai yang dikenakan. Sekiranya Cukai baharu diperkenalkan dan Cukai tersebut perlu dicaj ke atas transaksi yang dicadangkan dalam T&S ini, maka Pelanggan bersetuju untuk memberi segala kerjasama kepada pihak Bank dalam membantu pihak Bank menunaikan obligasinya di bawah undang-undang berkenaan.
- (h) Bagi mengelakkan keraguan, kedua-dua pihak bersetuju bahawa sebarang amaun yang perlu dibayar atau amaun yang digunakan dalam pengiraan jumlah yang perlu dibayar yang dinyatakan dalam T&S ini telah ditentukan tanpa mengambil kira dan tidak termasuk amaun yang perlu ditambah di bawah klausula akaun Cukai.
11. **Penyelesaian Awal.** Pelanggan boleh pada bila-bila masa melakukan penyelesaian awal Kemudahan secara penuh dengan memberi notis awal tiga (3) bulan secara bertulis kepada pihak Bank.

- 12. Rebat.** Rebat (ibra') bagi penyelesaian awal atas baki keuntungan yang dikenakan akan diberi kepada Pelanggan bagi tempoh belum luput bermula dari selepas tempoh notis tiga (3) bulan. Rebat akan dikira mengikut formula berikut*:

$$R = \frac{n(n+1)}{N(N+1)} \times P \text{ dimana,}$$

R	Rebat
n	Baki Bilangan Ansuran Bulanan
N	Tempoh Pembiayaan (dalam bulan)
P	Keuntungan kena bayar bagi keseluruhan Tempoh Pembiayaan

Ilustrasi bagaimana Rebat dikira untuk Pembiayaan enam puluh (60) bulan (5 tahun) dengan amaun prinsipal RM50,000 dan kadar keuntungan 12.5% setahun, tetapi dengan penyelesaian awal selepas dua puluh (20) bulan (di mana notis penyelesaian awal diberi kepada pihak Bank sebelum tarikh akhir Ansuran Bulanan berikutnya), ditunjukkan di bawah ini:

$$\begin{aligned} N &= 60 \\ n &= 60 - 20 \\ P &= 50,000 \times 12.5 / 100 \times 5 = 31,250 \\ R &= \frac{40(40+1) \times 31,250}{60(60+1)} = \text{RM}14,002.70 \end{aligned}$$

Nota:

*Rebat akan dikira berdasarkan "Peraturan 78" (Rule of 78) atau "Jumlah Digit" (Sum of Digits) di mana kaedah pengiraan bahagian prinsipal dan keuntungan kena dibayar bagi keseluruhan Pembiayaan dirumus menganggap bahawa keuntungan membetuk peratusan yang lebih besar ke atas ansuran bulanan pada peringkat awal pembiayaan. Pelanggan hendaklah membayar semua Ansuran Bulanan yang perlu dibayar bagi tempoh belum luput tertakluk pada Rebat.

Rebat akan diberikan kepada semua Pelanggan yang menyelesaikan pembiayaan mereka sebelum berakhirnya tempoh pembiayaan. Penyelesaian sebelum berakhirnya tempoh pembiayaan oleh Pelanggan termasuk tetapi tidak terhad kepada situasi berikut:

- Pelanggan yang membuat penyelesaian awal atau penebusan awal, termasuk yang timbul daripada pra-pembayaran;
- Penyelesaian Kemudahan ini disebabkan penyusunan semula pembiayaan;
- Penyelesaian oleh Pelanggan dalam kes kegagalan pembayaran;
- Penyelesaian oleh Pelanggan di mana berlakunya penamatan atau pembatalan Kemudahan ini sebelum tarikh matang; dan
- Rebat akan dianggap telah diberi setelah penerimaan jumlah penyelesaian/penebusan sebagaimana yang ditentukan oleh pihak Bank.

- 13. Perubahan Ansuran.** Pihak Bank berhak mengubah bilangan dan/atau amaun ansuran apabila diperlukan dengan memberi notis awal secara bertulis kepada Pelanggan. Sekiranya perubahan sedemikian berlaku akibat penjadualan semula dan penyusunan semula ("**R&R**"), perubahan tersebut adalah tertakluk pada persetujuan Pelanggan.

- 14. Kejadian Kegagalan.** Harga Jualan, caj pampasan dan segala wang lain yang pada masa tersebut masih terhutang atau belum dibayar oleh Pelanggan di bawah T&S ini dan mana-mana perjanjian lain yang menjadi perlu dibayar dan perlu dibayar serta-merta oleh Pelanggan kepada pihak Bank dan pihak Bank berhak memperoleh jumlah tersebut berserta Caj Pampasan yang berkenaan seperti yang dinyatakan di atas berserta dengan sebarang kos dan fi yang perlu dibayar oleh Pelanggan apabila berlaku salah satu yang berikut:

- jika Pelanggan gagal membayar sebarang wang yang perlu dibayar kepada pihak Bank;

- (b) jika Pelanggan ingkar atau gagal untuk melaksanakan atau melanggar mana-mana aku janji, perjanjian atau mana-mana T&S di dalam ini;
- (c) jika Pelanggan melakukan tindakan kebangkrutan atau membuat sebarang komposisi atau perkiraan dengan atau untuk manfaat para pemiutangnya;
- (d) jika sebarang distres atau pelaksanaan dikenakan atau dikuatkuasakan ke atas mana-mana harta Pelanggan;
- (e) jika Pelanggan menjalani hukuman penjara, menjadi tidak waras atau meninggal dunia;
- (f) jika berlaku sebarang perubahan nyata pada kedudukan kewangan Pelanggan yang menurut pandangan munasabah pihak Bank berkemungkinan besar akan menjejaskan keupayaan Pelanggan untuk memenuhi obligasinya di bawah Kemudahan tersebut dan caj pampasan ke atasnya;
- (g) sebarang representasi atau kenyataan yang dibuat oleh Pelanggan adalah tidak betul dari segi nyata atau tidak dipatuhi;
- (h) jika perubahan undang-undang atau peraturan berkenaan menjadikannya mustahil atau menyalahi undang-undang untuk pihak Bank terus menyediakan Kemudahan tersebut kepada Pelanggan; atau
- (i) jika sebarang kejadian telah berlaku atau satu situasi wujud yang boleh atau mungkin menjejaskan prestasi Pelanggan terhadap T&S ini.

15. Pembatalan. Pihak Bank berhak untuk menyemak semula, membatalkan, menarik balik, menggantung atau menamatkan Kemudahan yang telah diluluskan atau dikeluarkan dengan memberi notis awal tujuh (7) hari kepada Pelanggan jika keadaan yang memberi kesan kepada Pelanggan yang menurut pandangan munasabah pihak Bank mempunyai kesan buruk kepada Pelanggan atau pihak Bank.

16. Semakan. Pihak Bank berhak untuk mengkaji semula Kemudahan apabila diperlukan tanpa mengambil kira sama ada kejadian kegagalan telah berlaku. Apabila kajian semula tersebut dilakukan, tertakluk pada peruntukan Syariah, pihak Bank berhak untuk mengubah T&S Kemudahan atau untuk menarik balik, membatalkan, menggantung atau menamatkan Kemudahan tersebut atau mana-mana bahagiannya dengan memberi notis awal tujuh (7) hari kepada Pelanggan. Dalam hal sedemikian, Pelanggan bersetuju untuk serta-merta menerima keputusan tersebut dan membayar kepada pihak Bank hutang yang perlu dibayar dan tertunggak di bawah Kemudahan tersebut. Pelanggan bersetuju bahawa pihak Bank tidak mempunyai sebarang kewajipan lagi sama ada di sisi undang-undang atau ekuiti untuk menyediakan atau terus menyediakan Kemudahan itu kepada Pelanggan. Walau apa pun yang terkandung dalam T&S ini, Kemudahan, sebarang caj pampasan, kos dan fi yang perlu dibayar hendaklah dibayar oleh Pelanggan atas permintaan pihak Bank.

17. Penyerahan Hak. Pihak Bank berhak untuk menyerahkan hak dan/atau memindahkan keseluruhan atau mana-mana bahagian hak atau kewajiban pihak Bank di bawah T&S ini apabila diperlukan dengan memberikan notis awal kepada Pelanggan.

18. Notis dan Proses Perundangan. Semua notis dan komunikasi yang akan diberikan oleh pihak Bank seperti yang terkandung di sini termasuk sebarang tuntutan untuk bayaran wang yang perlu dibayar, tunggakan dan baki masih belum dibayar oleh Pelanggan akan dilakukan secara bertulis dan boleh diberi kepada Pelanggan di alamat Pelanggan, nombor faksimili atau secara elektronik (termasuk mel elektronik (“**emel**”) dan khidmat pesanan ringkas (“**SMS**”) seperti dinyatakan dalam permohonan Kemudahan Pelanggan dan/atau rekod pihak Bank yang terkini. Notis boleh diberi atau dilakukan melalui pos, faksimili, secara elektronik (termasuk emel dan SMS), penghantaran peribadi, notis umum melalui iklan di cawangan Bank, laman sesawang Bank atau menerusi HLB Connect atau sebarang cara elektronik yang ditentukan oleh pihak Bank.

Notis atau komunikasi lain dianggap telah diberikan kepada Pelanggan:

- (a) bagi pos berdaftar atau pos biasa, lima (5) hari selepas tarikh pengeposan;
- (b) bagi faksimili, pada hari penghantaran;

- (c) bagi emel dan/atau SMS dan/atau sebarang jenis kaedah elektronik, pada hari penghantaran;
- (d) bagi penghantaran peribadi, pada masa penghantaran; dan
- (e) bagi notis yang dikeluarkan melalui iklan, pada tarikh iklan.

Pelanggan bertanggungjawab memastikan pihak Bank sentiasa dimaklumkan tentang alamat terkini Pelanggan dan butiran perhubungan lain. Penyampaian sebarang proses mahkamah hendaklah dilaksanakan dengan cara meninggalkan atau menghantarnya ke alamat kediaman atau perniagaan biasa atau terakhir diketahui atau di alamat Pelanggan seperti mana dinyatakan dalam permohonan Kemudahan Pelanggan, atau boleh juga dilaksanakan dengan sebarang cara lain yang dibenarkan undang-undang.

19. Pihak Berkaitan

Bagi memastikan pihak Bank dapat mematuhi Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (“**IFSA**”) dan Garis Panduan BNM mengenai Transaksi Kredit dan Pendedahan dengan Pihak Berkaitan untuk Bank-Bank Islam (“**Garis Panduan**”), Pelanggan hendaklah mengaku kepada pihak Bank sama ada Pelanggan adalah Pihak Berkaitan menurut Garis Panduan tersebut, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pasangan, anak, ibu/bapa atau tanggungan kewangan Pengarah, Pegawai Esekutif atau pegawai yang meluluskan/menilai/menyemak kredit atau bagi pelanggan korporat/perniagaan, termasuk entiti yang dikawal oleh individu Bank yang disebut di atas. Jika pada bila-bila masa Pelanggan menjadi Pihak Berkaitan, maka Pelanggan hendaklah segera memaklumkan secara bertulis kepada pihak Bank. Pihak Bank berhak untuk menamatkan Kemudahan tersebut sekiranya Pelanggan gagal membuat akuan yang wajar atau betul sehingga mengakibatkan pihak Bank melanggar IFSA atau Garis Panduan tersebut.

20. Hak untuk Mendedahkan Maklumat.

Sebagai tambahan kepada pendedahan yang dibenarkan menurut Jadual 11 IFSA, Pelanggan memberi kuasa dan kebenaran tidak boleh batal kepada pihak Bank, pegawai dan kakitangannya untuk mendedahkan dan memberi segala maklumat berkaitan Kemudahan, T&S ini, akaun Pelanggan pada masa ini dan akan datang dan sebarang hal lain yang berkaitan dengan Pelanggan atau perniagaan dan operasinya kepada:

- (a) Institusi kewangan lain yang memberi atau bercadang memberi sebarang kemudahan pembiayaan atau kredit kepada Pelanggan, Biro Kredit atau mana-mana biro kredit pusat lain yang ditubuhkan oleh BNM, Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation, mana-mana pihak berkuasa berkenaan lain yang diberikan kuasa di sisi undang-undang untuk mendapatkan maklumat sedemikian atau pihak berkuasa/agensi lain yang ditubuhkan oleh BNM atau mana-mana agensi yang ditubuhkan oleh Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia atau Persatuan Bank-Bank di Malaysia;
- (b) mana-mana perbadanan semasa atau masa akan datang yang mungkin bersekutu atau berkait dengan pihak Bank (seperti ditakrif dalam Akta Syarikat 2016), termasuk pejabat wakil dan cawangan dan wakil mereka masing-masing serta juga subsidiari-subsidiari syarikat induk Bank dan/atau subsidiari pada syarikat induk Hong Leong Bank Berhad;
- (c) pihak Pemberi Cagaran atau mana-mana pihak yang bercadang menyediakan cagaran berkaitan Kemudahan;
- (d) juruaudit, peguam dan/atau ejen Bank yang berkaitan dengan pemulihan wang yang perlu dibayar; dan
- (e) penasihat profesional Bank, penyedia perkhidmatan, penama, ejen, kontraktor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang terlibat dalam usaha penyediaan produk dan perkhidmatan kepada atau oleh pihak Bank dan syarikat berkaitan/bersekutu dengan Bank.

Pelanggan dengan ini memberi persetujuan tidak boleh batal dalam hal pendedahan tersebut dan mengesahkan bahawa pihak Bank, para pegawai dan kakitangannya tidak bertanggungjawab atas penyampaian maklumat tersebut atau atas akibat pergantungan kepada maklumat yang disampaikan itu selaras dengan T&S ini.

- 21. Representasi dan Waranti pada Pemrosesan Maklumat Peribadi.** Pelanggan dengan ini memberi representasi dan jaminan bahawa Pelanggan telah memperoleh persetujuan semua individu yang dinamakan dalam permohonan Kemudahan Pelanggan atau sebarang dokumen yang dikemukakan kepada pihak Bank sebagai sokongan kepada permohonan tersebut dan/atau wakil-wakil sah mereka, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengarah, pemegang saham, penandatanganan sah atau mana-mana individu lain yang ditentukan oleh pihak Bank ("**Subjek Data Berkenaan**"), untuk pengumpulan, pegangan dan penggunaan maklumat peribadi Subjek Data Berkenaan oleh pihak Bank selaras dengan Notis Privasi Bank yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa dengan notis awal.
- 22. Persetujuan untuk Memproses Maklumat Peribadi.** Pelanggan dengan ini memberi persetujuan dalam pemegangan, pengumpulan dan penggunaan segala data peribadi yang diberikan kepada pihak Bank oleh Pelanggan dan/atau diperoleh oleh pihak Bank daripada domain awam, serta data peribadi yang timbul hasil daripada penyediaan perkhidmatan kepada Pelanggan berkaitan dengan Kemudahan ini selaras dengan Notis Privasi Bank yang dipinda apabila diperlukan dengan notis awal. "**Notis Privasi**" bermakna dasar dan prinsip Bank berkenaan pengumpulan, penggunaan dan penyimpanan maklumat data peribadi individu dan entiti sedia ada dan prospektif yang berurusan dengan pihak Bank seperti mana dipinda dari semasa ke semasa dengan notis awal dan boleh didapati di laman sesawang Bank atau mengikut cara yang pihak Bank anggap sesuai.
- 23. Penepian dan Kelonggaran.** T&S di dalam ini boleh dikecualikan oleh pihak Bank secara keseluruhan atau sebahagian dengan atau tanpa syarat dengan memberi notis awal kepada Pelanggan tanpa menjejaskan hak pihak Bank. Kegagalan pihak Bank untuk menguatkuasakan mana-mana peruntukan di bawah ini atau sebarang kelewatan atau kelonggaran yang diberi oleh pihak Bank kepada Pelanggan tidak bermakna bahawa pihak Bank telah mengecualikan mana-mana hak pihak Bank di bawah ini.
- 24. Tiada Tolak Selesai atau Tuntutan Balas oleh Pelanggan.** Pelanggan mestilah membayar semua amaun yang kena dibayar di bawah Kemudahan secara penuh, apabila tiba masanya, tanpa sebarang potongan, tolak selesai, tuntutan balas atau penahanan, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkaitan. Obligasi pembayaran Pelanggan di bawah Kemudahan tidak akan terjejas oleh sebarang pertikaian atau tuntutan yang mungkin dimiliki oleh Pelanggan terhadap pihak Bank. Pelanggan bersetuju bahawa tiada apa-apa dalam mana-mana pengaturan antara pihak Bank dan Pelanggan dan/atau mana-mana pihak lain yang akan menyekat, menghalang atau menafikan sebarang lien, caj, sandaran, hak tolak selesai atau hak atau remedi lain yang mana pihak Bank berhak (sama ada melalui kuat kuasa undang-undang, kontrak atau sebaliknya).
- 25. Tolak Selesai/Pengabungan Akaun.**
- (a) Pihak Bank berhak untuk menolak selesai baki kredit dalam semua atau mana-mana akaun Pelanggan terhadap sebarang liabiliti atau baki tertunggak yang perlu dibayar dan terhutang oleh Pelanggan pada masa ini dan/atau pada masa akan datang, yang termasuk liabiliti bersama Pelanggan ("**Amaun Tertunggak**"), dengan memberi notis awal kepada Pelanggan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari. Pihak Bank juga boleh memperuntukkan dana yang terdapat di dalam akaun Pelanggan terhadap Amaun Tertunggak dengan memberi notis awal kepada Pelanggan.
 - (b) Sekiranya mata wang baki kredit di dalam semua atau mana-mana akaun Pelanggan berbeza dengan mata wang Amaun Tertunggak, pihak Bank berhak untuk melaksanakan sebarang penukaran mata wang yang diperlukan pada kadar pertukaran semasa pihak Bank.
- 26. Hak Pengasingan.**
- (a) Sekiranya Pelanggan gagal membuat bayaran penuh tepat pada masanya kepada pihak Bank, pihak Bank berhak untuk menggunakan sebarang bayaran atau sebahagiannya untuk menyelesaikan mana-mana jumlah wang, tunggakan, Ansuran Bulanan yang perlu dibayar dan caj tertunggak lain yang perlu dibayar.

- (b) Sebarang lebihan akan dianggap sebagai lebihan bayaran untuk akaun tertentu ("**Bayaran Lebihan**"). Sebarang Bayaran Lebihan tidak akan digunakan untuk pengurangan keuntungan atau prinsipal yang tertunggak.
- (c) Pihak Bank tidak diwajibkan untuk menggunakan Bayaran Lebihan untuk menyelesaikan sebarang wang lain yang perlu dibayar terhadap mana-mana akaun Pelanggan dengan pihak Bank.
- (d) Sekiranya amaun yang diterima atau diperoleh semula berkenaan dengan liabiliti Pelanggan adalah kurang daripada amaun yang perlu dibayar, pihak Bank akan menggunakan amaun tersebut dalam perkadaran dan susunan atau keutamaan sedemikian seperti yang ditentukan oleh pihak Bank.

27. Pelantikan Ejen. Pihak Bank berhak atas budi bicaranya untuk melantik ejen pilihannya untuk mengutip semua dan sebarang jumlah wang yang perlu dibayar kepada pihak Bank oleh Pelanggan di bawah T&S ini dengan memberi notis awal tujuh (7) hari kepada Pelanggan.

28. Pengawasan dan Rakaman Telefon. Tertakluk pada undang-undang berkenaan, pihak Bank boleh merakam dan Pelanggan memberi persetujuan kepada pihak Bank untuk merakam segala perbualan telefon yang dibuat dengan Pelanggan untuk tujuan termasuk jualan, latihan, siasatan dan sebagainya. Pelanggan bersetuju bahawa:

- (a) semua rakaman telefon menjadi hak milik pihak Bank;
- (b) pihak Bank berhak menggunakan rakaman tersebut sebagai bahan keterangan dalam sebarang pertikaian.

29. Representasi dan Jaminan. Berikut adalah representasi dan jaminan yang dibuat oleh Pelanggan kepada pihak Bank:

- (a) Pelanggan mempunyai keupayaan untuk melaksanakan, menyampaikan dan menunaikan T&S di dalam ini;
- (b) T&S ini merupakan obligasi undang-undang, sah dan mengikat penguatkuasaan terhadap Pelanggan;
- (c) segala tindakan, syarat, perkara, keizinan, persetujuan, kebenaran, kelulusan, lesen dan pengecualian yang perlu dilakukan, dilaksanakan, disampaikan, dipenuhi, ditunaikan atau diperoleh supaya Pelanggan boleh secara sah di sisi undang-undang membuat dan menjalankan serta menunaikan hak dan obligasi Pelanggan di bawah ini dan menurut sebarang dokumen berkaitan yang disempurnakan oleh Pelanggan, telah dilakukan, dilaksanakan, disampaikan, dipenuhi, ditunaikan atau diperoleh dan sedang berkuatkuasa sepenuhnya;
- (d) Persetujuan Pelanggan menerima dan menunaikan obligasi Pelanggan di bawah T&S ini dan mana-mana undang-undang, peraturan, perintah atau dekri mana-mana pihak berkuasa kerajaan, badan, agensi, dan mahkamah yang tertakluk ke atas Pelanggan;
- (e) Maklumat yang diberi oleh Pelanggan kepada pihak Bank berkaitan dengan T&S ini dan Kemudahan adalah tepat, betul, benar dan lengkap tanpa sebarang yang tertinggal apa jua pun yang boleh menjadikan maklumat tersebut tidak tepat, tidak betul, salah, salah nyata, tidak benar, tidak lengkap atau mengelirukan dari apa jua segi. Pelanggan hendaklah segera memberitahu pihak Bank secara bertulis jika maklumat tersebut perlu diubah dan/atau jika terdapat sebarang pertukaran;
- (f) Pelanggan tidak ingkar di bawah sebarang perjanjian yang mana Pelanggan menjadi salah satu pihak atau Pelanggan terikat kepadanya; dan
- (g) Pelanggan bukan seorang yang muflis yang belum dilepaskan dan tiada prosiding kebangkrapan, tindakan undang-undang, litigasi, timbangtara, prosiding pentadbiran, sivil atau jenayah yang sedang berjalan, menunggu penyelesaian atau diancam terhadap Pelanggan akan menjejaskan keupayaan Pelanggan untuk menunaikan obligasi Pelanggan menurut T&S ini.

30. Akaun Gantung. Pihak Bank boleh meletakkan sebarang wang yang diterima atau diperoleh semula daripada Pelanggan ke dalam akaun tanpa untung yang berasingan ("**Akaun Gantung**") untuk

pembayaran sebarang wang yang tertunggak dan perlu dibayar oleh Pelanggan kepada pihak Bank (“**Hutang**”) dan untuk tujuan memelihara liabiliti Pelanggan dalam prosiding undang-undang atau untuk membuktikan kebangkrutan atau penggulungan Pelanggan. Walaupun dengan pembayaran sedemikian, sekiranya berlaku kebangkrutan Pelanggan, pihak Bank boleh membuktikan dan bersetuju untuk menerima sebarang dividen atau komposisi berkenaan dengan keseluruhan atau sebahagian daripada Hutang tersebut. Sehingga Hutang telah dibayar sepenuhnya kepada pihak Bank, pihak Bank berhak untuk menganggap wang atau dividen yang diterima atau diperoleh semula sebagai tidak dibuat/berlaku. Selepas pembayaran penuh Hutang, sebarang lebihan wang yang tinggal dengan pihak Bank dalam Akaun Gantung akan dikembalikan kepada Pelanggan atau wakil sah Pelanggan, jika berkenaan.

- 31. Pengganti.** T&S ini hendaklah mengikat waris, pelikuidasi, penerima, wakil, pemegang amanah yang dibenarkan dan pewaris Pelanggan dan boleh dikuatkuasakan oleh pewaris dan pemegang amanah pihak Bank.
- 32. Aku Janji Pelanggan.** Pelanggan bersetuju dan mengaku janji untuk membayar balik dan membayar kepada pihak Bank, apabila diminta secara bertulis oleh pihak Bank, segala tindakan, tuntutan, permintaan, prosiding, kerugian, kerosakan, kos, caj dan apa jua perbelanjaan (termasuk perbelanjaan guaman atas dasar peguam cara dan anak guam) apa jua pun yang mungkin ditanggung atau dialami oleh pihak Bank yang berkaitan dengan atau yang timbul daripada kemungkiran Pelanggan terhadap mana-mana T&S Kemudahan tersebut.
- 33. Kejadian di Luar Kawalan Bank.** Walau apa pun peruntukan lain di sini, pihak Bank mungkin tidak dapat melaksanakan sebarang operasi atau menyediakan sebarang perkhidmatan atas sebarang sebab di luar kawalan pihak Bank. Sebab-sebab tersebut termasuk tetapi tidak terhad kepada kebakaran, banjir, rusuhan, bencana alam, sebarang kegagalan atau gangguan terhadap telekomunikasi, bekalan elektrik, air, bahan api atau sebarang faktor dalam bentuk keadaan yang tidak dijangka. Kecuali keingkaran sengaja atau kecuaiian melampau disebabkan oleh pihak Bank, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesulitan, kerugian, kecederaan atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang disebabkan oleh perkara tersebut.
- 34. Kebolehasingan.** Sebarang terma, syarat, ketentuan, peruntukan, perjanjian atau aku janji dalam T&S ini atau mana-mana bahagiannya yang menyalahi undang-undang, batal, dilarang atau tidak boleh dikuatkuasakan dalam mana-mana bidang kuasa hendaklah bagi bidang kuasa tersebut menjadi tidak efektif setakat ketidakpatuhan, ketaksahan, larangan atau ketidakbolehkuatkuasaan tersebut. Perkara ini tidak akan menjejaskan kesahihan peruntukan yang lain atau bahagian lain dalam T&S ini. Tambahan pula, sebarang ketidakpatuhan, ketidaksahan, larangan atau ketidakbolehkuatkuasaan dalam mana-mana bidang kuasa tidak akan membatalkan atau menjadikan tidak sah, batal atau tidak boleh dikuatkuasakan mana-mana terma, syarat, ketentuan, peruntukan, perjanjian atau aku janji dalam mana-mana bidang kuasa yang lain.
- 35. Keingkaran Balasan.** Pihak Bank berhak untuk bertindak meneruskan prosiding undang-undang terhadap Pelanggan atau untuk menamatkan Kemudahan, serta meminta daripada Pelanggan segala wang yang kena dibayar kepada pihak Bank menurut T&S ini atau menahan atau menarik balik Kemudahan. Ini terpakai jika berlaku kegagalan dalam pembayaran sebarang wang yang kena dibayar oleh Pelanggan di sini atau di bawah mana-mana akaun lain dengan pihak Bank atau dengan mana-mana institusi kewangan lain atau jika berlaku kegagalan membayar sebarang wang di bawah akaun mana-mana pihak lain yang Pelanggan menjadi penjamin kepadanya atau apabila Pelanggan menjadi tidak siaman atau meninggal dunia.
- 36. Penyata Dikeluarkan Pihak Bank**
 - (a) Pelanggan bersetuju bahawa penyata akaun yang ditandatangani oleh pengurus atau pegawai/ejen pihak Bank yang diberi kuasa sewajarnya, jika tiada sebarang kesilapan yang jelas

dalam penyata akaun atau penipuan oleh pihak Bank, menjadi bukti yang mengikat dan konklusif mengenai amaun yang perlu dibayar di bawah Kemudahan di mahkamah.

- (b) Sebarang pertikaian/percanggahan dalam penyata akaun hendaklah dibangkitkan oleh Pelanggan kepada pihak Bank dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penyata tersebut, jika gagal, penyata itu akan dianggap tepat.

37. **Fi dan Perbelanjaan**

- (a) Duti Setem sebanyak 0.5% daripada Amaun Kemudahan dikenakan bagi setiap Kemudahan yang diberikan, tertakluk pada proses penaksiran oleh Pejabat Setem berkenaan dengan duti setem yang perlu dibayar untuk setiap Kemudahan.
- (b) Pelanggan hendaklah membayar kepada pihak Bank segala duti setem, fi, kos, caj dan perbelanjaan (termasuk fi guaman atas dasar peguam cara dan pelanggan) yang ditanggung oleh pihak Bank berkaitan dengan T&S ini dan/atau penguatkuasaan, atau pemeliharaan sebarang hak pihak Bank berkaitan dengan Kemudahan.

38. **Arahan-Arahan Menerusi Telefon atau Transmisi Faksimili atau Elektronik atau Digital.** Pihak Bank dengan ini diminta dan diberi kuasa oleh Pelanggan, untuk bergantung kepada dan bertindak selaras dengan mana-mana arahan, pengesahan dan/atau komunikasi lain oleh Pelanggan ("**Arahan**"), sama ada secara lisan atau bertulis, dan sama ada diberi melalui telefon, transmisi faksimili atau elektronik atau digital yang diberikan oleh Pelanggan dan/atau orang yang diberi kuasa oleh Pelanggan. Pihak Bank berhak untuk bergantung kepada dan bertindak mengikut arahan tersebut apabila pengesahan atas arahan tersebut telah dilaksanakan oleh pihak Bank.

Kecuali keingkaran sengaja atau kecuai melampau disebabkan oleh pihak Bank, pihak Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab atas sebarang kerugian, kerosakan atau kos (termasuk kos guaman) yang mungkin ditanggung atau dialami Pelanggan secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada pemberian arahan, sebarang kegagalan penghantaran arahan dan/atau sebarang kesilapan dalam penghantaran arahan di bawah ini.

39. **Pengingkaran Undang-Undang.** Jika pihak Bank menentukan bahawa pengenalan atau perubahan mana-mana undang-undang, peraturan atau terbitan rasmi (sama ada mempunyai kuasa undang-undang atau tidak) atau sebarang perubahan pada tafsiran atau aplikasi menjadikannya salah di sisi undang-undang bagi pihak Bank untuk mengekalkan, membiayai atau melaksanakan kewajibannya di sini, maka pihak Bank hendaklah segera memberi notis tentang penentuan tersebut kepada Pelanggan dan dengan itu Kemudahan setakat itu hendaklah dibatalkan dan Pelanggan setelah menerima notis daripada pihak Bank, dengan segera membayar segala wang yang dipersetujui oleh Pelanggan di sini termasuk sebarang kos dan fi yang perlu dibayar. Penentuan tersebut akan berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis pihak Bank dan, kecuali terdapat kesilapan nyata, keputusan pihak Bank mengenai tarikh berkuat kuasanya penentuan tersebut adalah muktamad dan konklusif.

40. **Jaminan Berterusan.** Kecuali bagi kesilapan nyata, liabiliti dan/atau obligasi Pelanggan di bawah Kemudahan ini akan terus sah dan mengikat bagi semua tujuan biarpun berlaku sebarang perubahan sama ada disebabkan oleh kebangkrutan, kematian, kegilaan atau sebaliknya dan/atau sebarang perubahan disebabkan penggabungan, penyusunan semula atau sebaliknya yang mungkin dilakukan dalam perlembagaan pihak Bank.

41. **Pindaan.** T&S ini dan ketersediaan, had, kadar keuntungan, fi dan caj Kemudahan adalah tertakluk pada garis panduan daripada BNM dan/atau mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan. Tertakluk pada peruntukan Syariah, pihak Bank berhak mengubah, menambah, memadam atau meminda T&S ini mengikut budi bicaranya dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kepada Pelanggan.

42. **Perjanjian Tunggal.** Permohonan Kemudahan oleh Pelanggan, di mana Jadual Pembayaran, Notis Pengeluaran dan semua perjanjian serta dokumen lain yang dikeluarkan oleh pihak Bank berkaitan

dengan Kemudahan serta sebarang Arahan daripada Pelanggan hendaklah dibentuk dan ditafsirkan sebagai suatu perjanjian tunggal antara pihak Bank dan Pelanggan.

- 43. Undang-undang Terpakai.** T&S yang terkandung di dalam ini adalah tertakluk pada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia. Pelanggan dengan ini bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah-mahkamah di Malaysia. Sekiranya berlaku sebarang pertikaian ataupun perbezaan pendapat tentang sebarang jua yang berkenaan atau melibatkan Syariah, kedua-dua pihak akan merujuk perkara tersebut kepada Jawatankuasa Penasihat Syariah BNM dan keputusan melibatkan perkara tersebut adalah mengikat dan muktamad.
- 44. Masa.** Masa di mana tersebut di sini adalah intipati dalam T&S ini.
- 45. Tafsiran.** Perkataan yang membawa maksud bilangan tunggal juga termasuk bilangan jamak, dan sebaliknya; dan perkataan yang membawa maksud jantina lelaki adalah termasuk jantina perempuan dan jantina neutral dan sebaliknya.

BAHAGIAN B – TERMA DAN SYARAT TAMBAHAN BAGI PENGGABUNGAN PEMBIAYAAN PERIBADI-i HONG LEONG (“PFiC”)

T&S tambahan bagi Penggabungan Pembiayaan Peribadi-i Hong Leong melengkapi dan menjadi sebahagian T&S. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau pertentangan antara terma yang terkandung dalam Bahagian B T&S dan Bahagian A T&S, maka terma tertentu dalam Bahagian B di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan atau pertentangan itu.

1. Jika diluluskan, Pelanggan diberikan PFiC bagi tujuan penyelesaian penuh baki pinjaman peribadi/ pembiayaan peribadi dan/atau baki kad kredit/kad kredit-i yang tertunggak (“Penggabungan Hutang”) seperti yang dinyatakan oleh Pelanggan dalam permohonan Kemudahan.
2. Kadar keuntungan efektif bagi kadar niaga PFiC ialah maksimum dua peratus (2%) lebih rendah daripada kadar keuntungan efektif penggabungan ke atas caj keuntungan/faedah penggabungan bagi baki kemudahan pinjaman peribadi, pembiayaan peribadi dan kad kredit/kad kredit-i yang sedia-ada oleh Pelanggan. Ini adalah kadar niaga eksklusif dan tidak terpakai untuk kempen PFiC yang lain.
3. Pelanggan mesti menyediakan penyata terkini bagi penyata pembiayaan, penyata pinjaman atau penyata penebusan atau ringkasan pembiayaan/pinjaman bagi penyata bulanan atau penyata tahunan pembiayaan peribadi, pinjaman peribadi sedia ada dan kad kredit/kad kredit-i untuk menunjukkan baki tertunggak semasa serta caj pembiayaan/kadar faedah/kadar keuntungan bagi kemudahan kredit/pembiayaan tersebut daripada institusi kewangan semasa dan untuk membolehkan pihak Bank mengira Kadar Keuntungan efektif bagi PFiC. Sekiranya Pelanggan gagal menunjukkan mana-mana dokumen yang dikehendaki seperti di atas, pihak Bank akan menggunakan caj pembiayaan/kadar keuntungan sebanyak 17.00% setahun bagi kad kredit/kad kredit-i dan Kadar Keuntungan efektif sebanyak 13.87% setahun bagi pinjaman/pembiayaan peribadi sebagai penanda aras untuk pengiraan penjimatan kadar sebanyak 2.00% setahun.
4. Kadar Keuntungan akan kekal dan tidak berubah sekiranya Amaun Kemudahan yang diluluskan adalah kurang daripada amaun yang dimohon oleh Pelanggan atau tidak mencukupi untuk melangsaikan sepenuhnya semua pinjaman peribadi, pembiayaan peribadi dan baki kad kredit/kad kredit-i yang tertunggak seperti yang dimohon dan dinyatakan dalam permohonan Pelanggan.
5. Bagi Kemudahan Pengeluaran Tunai Tambahan, di mana amaun tambahan adalah diluluskan untuk dibayar ke dalam akaun Pelanggan seperti mana dinyatakan dalam permohonan Kemudahan tersebut:
 - (a) Amaun pengeluaran tunai maksimum yang dibenarkan adalah terhad kepada 90% daripada amaun pembiayaan yang dimohon.
 - (b) Sebagai contoh:
 - (i) Jumlah Amaun PFiC yang dimohon : RM100,000
 - (ii) Jumlah kemudahan kad kredit/kad kredit-i dan Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i: RM10,000
 - (iii) Permohonan Pengeluaran Tunai: RM90,000 (90% had maksimum)
 - (c) Kadar Keuntungan bagi amaun Pengeluaran Tunai Tambahan yang diberikan adalah pada kadar yang sama dikenakan ke atas penggabungan hutang yang diluluskan oleh pihak Bank.
6. Pihak Bank berhak untuk menolak mana-mana pemohon yang tidak layak daripada menyertai PFiC.
7. Di bawah PFiC, Pelanggan akan bertanggungjawab untuk menyelesaikan segala fi, caj dan/atau penalti yang dikenakan berkaitan dengan Penggabungan Hutang Pelanggan yang mungkin dikenakan oleh institusi kewangan yang memberikan kemudahan kredit/pembiayaan kepada Pelanggan.
8. Sekiranya bayaran penyelesaian berlebihan telah dibuat bagi Penggabungan Hutang, Pelanggan akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk meminta bayaran balik daripada institusi kewangan berkenaan tanpa rujukan kepada pihak Bank.